

16 OCT 1996

Parlimen-Mahathir (Wang)

SEMUA PARTI POLITIK MESTI HAPUSKAN POLITIK WANG, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata langkah yang sewajarnya mesti diambil oleh semua parti politik supaya usaha penghapusan politik wang dapat mencapai kesan yang maksimum.

"Politik wang sama ada dalam UMNO atau parti-parti lain termasuk parti pembangkang adalah satu wabak berbahaya yang perlu dibanteras sebelum ia berkembang dan membinasakan seluruh sistem pentadbiran di negara ini," katanya semasa menjawab soalan Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Katanya UMNO melihat perkembangan gejala politik wang dan rasuah sebagai satu amalan yang amat serius daripada segi implikasinya.

Beliau berkata UMNO telah mengadakan peraturan-peraturan yang khusus untuk mencegah bukan sahaja politik wang tetapi juga segala jenis rasuah termasuk rasuah kebendaan dan agama.

Dr Mahathir berkata dalam perhimpunan agung UMNO minggu lepas, para anggota perwakilan UMNO dengan sebulat suara dan tegas menolak gejala politik wang dalam parti itu serta bertekad untuk menghapuskannya.

Semasa menjawab soalan tambahan Tan sama ada kerajaan mempunyai cadangan untuk memperluaskan peraturan mengenai politik wang dan rasuah supaya tidak menjadi satu budaya politik di negara ini, Dr Mahathir berkata peraturan dan dasar untuk mencegah rasuah dalam apa juga bentuk telahpun wujud dan diperluaskan.

Bagaimanapun menurut Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO, akibat yang lebih buruk akan berlaku sekiranya wujud rasuah dalam parti politik berbanding dengan kegiatan rasuah yang berlaku di kalangan pegawai kerajaan.

"Sebab itu awal-awal lagi UMNO mengambil pendirian yang amat serius dengan mengambil tindakan tegas walaupun tidak dapat dikesan sama ada rasuah sudah berlaku kerana tidak ada cukup bukti," katanya.

"Dan sudah tentu jika dibawa ke mahkamah ia akan ditolak kerana tidak cukup bukti bahawa rasuah telah berlaku. Bagi UMNO, walaupun tidak ada rasuah, kita memandang berat perkara ini dan mengambil tindakan."

Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri juga berkata kementerian bersedia mengadakan perkhidmatan kepada mana-mana parti politik yang mahu supaya diadakan pemeriksaan bukan sahaja mengenai rasuah tetapi juga mengenai perkara lain.

Dr Mahathir berkata walaupun sudah diwujudkan badan bebas yang mengawasi sebarang jenis rasuah yang berlaku di negara ini, bukti tentang sesuatu rasuah sudah berlaku ataupun sedang berlaku sukar didapati.

"Sebab itu walaupun kita cuba seberapa yang boleh, amalan (rasuah) ini sedikit-sebanyak berlaku juga.

"Saya tahu ada sebuah negara di mana mereka yang terlibat dengan rasuah dihukum tembak sampai mati, tetapi masih berlaku juga rasuah," katanya semasa menjawab soalan tambahan Datuk Haji Shukri Mohamed (BN-Machang) yang ingin tahu sama ada kerajaan memikirkan sebuah badan bebas diwujudkan untuk memberantas masalah politik wang dan rasuah secara berterusan.

Ketika menjawab soalan tambahan Ketua Pembangkang Lim Kit Siang (DAP-Tanjong) sama ada Dr Mahathir menyarankan supaya menteri yang mempunyai perbelanjaan luar biasa yang lebih tinggi daripada pendapatan bulanan mereka disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR), Perdana Menteri berkata saranan supaya BPR menyiasat menteri yang mempunyai perbelanjaan

luar biasa itu tidak timbul.

"Yang Berhormat nampaknya tidak faham dengan ucapan saya. Saya kata kalau menteri berbelanja lebih daripada apa yang diperolehinya menunjukkan bahawa rasuah mungkin telah berlaku tetapi saya tidak tunjuk mana-mana menteri yang berbelanja lebih daripada pendapatan," katanya.

Dr Mahathir semasa berucap merasmikan Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini ada menyentuh perkara itu tetapi tidak menyebut secara khusus menteri-menteri yang terbabit.

"Seperti mana yang kita tahu di Malaysia ini, kerap-kali apabila menteri bersara mereka menjadi papa kedana, cari duit dan tidak ada duit yang banyak seperti yang berlaku di sesetengah negara di mana rasuah menjadi-jadi," kata beliau.

"Selagi UMNO memerintah, kita tidak akan dapati keadaan apabila seseorang menteri bersara, dia menjadi kaya-raya," katanya. -- BERNAMA

HS NMO